

Calon BN ramal Kelantan menang 2-0
Malaysiakini.com
October 30, 2010

Naib Ketua Pemuda Umno Datuk Razali Ibrahim mencadangkan "gencatan senjata" selama 90 minit pada kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas bagi memberi laluan kepada perlawanan akhir Piala Malaysia antara Negeri Sembilan dengan Kelantan, malam ini.

Beliau berkata, jentera kempen parti yang bertanding perlu bertenang seketika dan memberi sokongan kepada pasukan yang bertanding.

"Malam ini perlu ada "gencatan senjata" untuk tengok perlawanan akhir, lepas itu kita sambung kembali berkempen," katanya kepada pemberita selepas melepaskan 17 bas yang membawa lebih 700 penyokong bola sepak Kelantan ke Stadium Bukit Jalil di Gua Musang, hari ini.

Turut hadir ialah calon BN bagi kerusi DUN itu, Abdul Aziz Yusoff.

Razali yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan meminta para penyokong agar tidak mempamerkan kain rentang atau bendera parti politik pada perlawanan akhir itu.

Beliau berkata, elemen politik tidak sepatutnya dicampur aduk dengan sukan.

"Amat menyedihkan kalau dimasuki elemen politik dalam perlawanan akhir ini, yang lebih penting penyokong memberikan sokongan kepada pasukan negeri," katanya.

Selain itu, beliau turut mengingatkan para penyokong agar tidak mengabaikan keselamatan dan menjaga disiplin ketika menyaksikan pertandingan itu.

Sementara itu, Abdul Aziz ketika ditemui berkata, beliau akan bersama-sama penyokong di sekitar DUN Galas bagi menyaksikan perlawanan berkenaan.

Beliau meramalkan kemenangan 2-0 pasukan Red Warrior ke atas Negeri Sembilan.

"Malahan bagi mereka yang tidak berpeluang ke Kuala Lumpur, peminat di Galas boleh menyaksikan perlawanan itu di skrin besar yang disediakan BN di dataran Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) 8.30 malam ini," katanya.

--Bernama